

Alasan terlalu longgar

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, alasan seorang pengarang sebuah akhbar Cina bahawa mereka mencerminkan pandangan orang ramai sepanjang tempoh pilihanraya berlangsung adalah terlalu longgar.

Perdana Menteri menegaskan, akhbar seharusnya lebih bertanggungjawab dalam menyiarkan laporan semasa kerana ia boleh mempengaruhi fikiran rakyat.

"Beberapa akhbar Melayu dan Inggeris nam-

paknya lebih bertanggungjawab, walaupun mereka boleh menyiarkan laporan yang boleh membakar semangat orang-orang Melayu," kata beliau dalam sidang akhbar selepas persidangan hari kedua Perhimpunan Agung UMNO selesai.

DN 2 DEC 1990

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, seorang pengarang akhbar Cina menjelaskan dalam akhbar hari ini bahawa laporan-laporan yang dibuat oleh mereka mencerminkan pandangan orang ramai.